

**Tajuk : Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami**

---

Kategori: **Munakahat**

Tahun: **2015**

Status Pewartaan: **Tidak Diwartakan**

Negeri: **Negeri Sembilan**

---

**Keputusan :** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 06/2015-1436H yang bersidang pada 26 Ogos 2015 bersamaan 11 Dzulqa'dah 1436H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-71 berkenaan Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami dengan *sighah* seperti berikut :

1. Di dalam Islam poligami adalah diharuskan. Oleh itu dengan mengambilkira hikmah poligami yang telah disyariatkan, Muzakarah memutuskan bahawa cadangan memasukkan lafaz cerai taklik sekiranya suami berpoligami tidak perlu dilaksanakan.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa Undang-Undang Keluarga Islam yang sedia ada telah lengkap dan mencakupi semua isu berkaitan institusi keluarga Islam. Sehubungan itu sebarang pindaan undang-undang bagi tujuan penambahan lafaz cerai taklik ini adalah tidak diperlukan.

Status pewartaan : Tidak diwartakan



[Klik disini untuk mencetak](#)